

AXCEL LIGNOCAINE 2% GEL STERILE

Lignocaine Hydrochloride (2% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile.
2. Bagaimana Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile.
4. Cara menggunakan Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile.
5. Semasa menggunakan Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile

Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile digunakan sebagai anestetik permukaan dan pelincir untuk:

- Prosedur perubatan seperti prosedur skop, memasukkan kateter.
- Intubasi trakea.
- Rawatan simptom sakit dengan keradangan pundi kencing dan uretra.
- Melegakan kesakitan kanak-kanak selepas berkhatan.

Bagaimana Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile berfungsi

Lignocaine ialah ubat bius setempat dan digunakan untuk aplikasi setempat pada membran mukus. Ia menyebabkan hilang deria rasa berbalik dengan menghalang atau mengurangkan laluan isyarat rasa sakit sepanjang saraf dekat kawasan ubat ini digunakan.

Sebelum menggunakan Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada Lignocaine Hydrochloride atau anestetik setempat jenis amide.
- Anda menghadapi penurunan jumlah plasma darah, sekatan

jantung atau gangguan jantung yang lain.

- Ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi bertauliah kepada anda.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum menggunakan Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Anda mengalami kegagalan jantung kongestif.
- Anda mengalami kecederaan membran mukus yang teruk dan / atau jangkitan yang mengancam nyawa.
- Anda mengalami kadar degupan jantung perlahan atau kesukaran bernafas.
- Anda mempunyai kelemahan fungsi hati.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengguna Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile

-Berapa banyak harus digunakan

Arahan penggunaan:

Untuk kanak-kanak di bawah 12 tahun, dos mestilah tidak melebihi 6mg / kg. Tidak lebih daripada 4 dos harus diberikan dalam masa 24 jam.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu menggunakan Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile mengikut keadaan anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang disarankan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Guna dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengguna dos seterusnya pada masa biasa. Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile.
- Beritahu kepada doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa merujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile dengan orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

AXCEL LIGNOCAINE 2% GEL STERILE

Lignocaine Hydrochloride (2% w/w)

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan penggunaan berterusan dalam dos yang tinggi.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Ruam, geligata, bengkak atau kesan alergi yang lain.
- Pengujaan Sistem Saraf Pusat seperti kegelisahan, keterujaan, gementar, kepeningan, berdengung di dalam telinga, kabur penglihatan, rasa loya dan muntah, sentakan otot, menggeletar dan kejang.
- Kebas pada lidah dan bahagian sekitar mulut.
- Pengujaan mungkin berlaku sementara dan diikuti oleh kemurungan bersama dengan mengantuk, masalah pernafasan dan koma.
- Tekanan darah rendah dan kadar jantung perlahan.
- Degupan jantung yang tidak normal dan tiba-tiba kehilangan fungsi jantung.
- Tekanan darah rendah sering diiringi dengan kehilangan rasa di kawasan bawah pinggang.
- Paras pigmen darah yang tidak normal.
- Penggunaan berterusan anestetik topikal di mata boleh menyebabkan radang pada kornea yang teruk dan kerosakan kornea.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers-> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile dari jangkauan kanak-kanak. Pastikan bekas tertutup rapat, simpan di bawah suhu 30°C dan lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel Lignocaine 2% Gel Sterile merupakan gel yang jernih hingga hampir jernih, sedikit berwarna.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan Aktif:

Lignocaine Hydrochloride.

-Bahan Tidak Aktif:

Benzalkonium Chloride, Ethyl Alcohol, Glycerin, Stabileze QM, Sodium Hydroxide dan Water for Injection.

-Nombor MAL

MAL19973702AZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

16/06/22

Nombor siri

NPRA(R4/1)280218/00061